

20 JUL 2000

Mahathir-Al-Maunah

SEBAHAGIAN BESAR ANGGOTA AL-MAUNAH ADALAH ANGGOTA PAS

ALOR SETAR, 20 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bahawa sebahagian besar daripada 1,800 anggota Al-Maunah adalah anggota Pas.

Beliau berkata perkara itu terpaksa didedahkan kerana Pas menuduh Al-Maunah mempunyai kaitan dengan Umno.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno berkata demikian semasa merasmikan Konvensyen UMNO Kedah 2000 di Kompleks City Plaza di sini.

ALOR SETAR, 20 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kebanyakan daripada 1,800 anggota kumpulan Al-Ma'unah adalah anggota Pas.

Beliau berkata perkara itu terpaksa didedahkan kerana Pas menuduh Umno mempunyai kaitan dengan kumpulan Al-Ma'unah dan kononnya membuat sandiwara rompakan senjata tentera di Perak, awal bulan ini.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Konvensyen Umno Kedah 2000 di City Plaza, di sini.

"Pada mulanya, kita tak nak kaitkan Al-Ma'unah dengan Pas. Kita juga tak nak kaitkan Al-Ma'unah sebagai 'militant wing of Pas' tetapi hari ini Pas cuba kaitkan Umno dengan Al-Ma'unah," katanya.

Beliau berkata matlamat perjuangan kumpulan itu adalah sama dengan Pas iaitu menubuhkan negara Islam di Malaysia yang sudah Islam.

Pada 2 Julai, sekumpulan kira-kira 15 orang anggota kumpulan itu merompak lebih 100 senjata dan beribu-ribu peluru dari dua kem tentera di Gerik, Perak dan menahan empat tebusan ketika bersembunyi bersama-sama 13 lagi rakan mereka di Sauk kemudian.

Kumpulan itu telah membunuh dua daripada tebusan-tebusan itu sebelum menyerah diri kepada polis pada 6 Julai.

"Cuma kumpulan Al-Ma'unah ini bodoh sikit kerana nak mendirikan negara Islam (di negara) yang sudah Islam dan cuba gulingkan kerajaan dengan senjata," kata Dr Mahathir.

Ketika bercakap pada persidangan akhbar kemudian, Dr Mahathir berkata lambang-lambang Pas juga terdapat di tempat Al-Ma'unah.

"Mereka jadi kumpulan yang ekstrim daripada penyokong Pas. Walaupun Al-Ma'unah ini bukan milik Pas tetapi mereka adalah orang yang terpengaruh dengan kempen membenci kerajaan yang dijalankan oleh Pas.

"Al-Ma'unah telah menepati hasrat kempen membenci kerajaan yang dilakukan oleh Pas dan perjuangan Pas untuk menubuhkan kerajaan Islam dan akibatnya, mereka ini menolak cara Pas yang secara perbandingannya adalah lebih lembut dan cuba melakukan perkara yang serupa dengan cara kekerasan," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun tidak menolak kemungkinan ada di antara pengikut Al-Ma'unah adalah anggota Umno.

"Mungkin ada anggota Umno tetapi kita tak tahu berapa orang. Ada juga anggota Umno yang sesat bercita-cita hendak mendirikan negara Islam."

Perdana Menteri tidak memberikan bilangan sebenar pengikut Al-Ma'unah daripada kalangan anggota Pas, cuma berkata kebanyakan daripada 1,800 anggota kumpulan itu adalah anggota Pas.

Ditanya sama ada kerajaan akan mengambil tindakan terhadap Pas, Dr Mahathir berkata: "Kerajaan tidak akan mengambil tindakan terhadap parti itu tetapi sedang mengkaji kempen yang dijalankan oleh Pas kerana kempen itu menimbulkan banyak kemusnahan seperti (kemusnahan) yang dilakukan oleh Al-Ma'unah,"

Menjawab soalan lain, Perdana Menteri membayangkan seolah-olah Pas juga bermain sandiwara mengenai anggota parti itu yang terlibat dengan kumpulan Al-Ma'unah.

"Pas kata kalau anggota Al-Ma'unah itu anggota Pas, mereka hanya perlu keluar daripada Al-Ma'unah dan tidak perlu keluar daripada Pas dan ini bermakna Pas menerima orang Al-Ma'unah.

"Pada masa yang sama juga, Pas mendakwa Al-Ma'unah itu adalah orang yang bekerjasama dengan Umno untuk buat sandiwara termasuk tahan tebusan dan bunuh orang," kata Perdana Menteri.

Ditanya sama ada ekoran peristiwa di Sauk itu, kerajaan akan melarang mana-mana parti politik menggunakan perkataan Islam pada namanya, Dr Mahathir berkata perkara itu akan dikaji.

Beliau berkata ramai yang keliru dengan slogan Pas bahawa "Pas itu Islam dan Islam itu Pas" sedangkan slogan itu sebenarnya bertentangan dengan ajaran Islam.

Mengenai amaran pemimpin Pas tentang kemungkinan peristiwa buruk akan berlaku jika kerajaan melaksanakan larangan itu, Dr Mahathir berkata kerajaan akan terus memelihara keselamatan dan keamanan negara.

Perdana Menteri juga meminta para pemimpin dan anggota Umno berkempen untuk menyedarkan anggota Pas yang sudah tersesat supaya membawa mereka kembali ke pangkal jalan.

Mereka juga akan diminta memberi penjelasan kepada orang ramai mengenai jihad Umno yang berbeza dengan jihad Al-Ma'unah iaitu berusaha untuk menyatupadukan dan memajukan ummah agar lebih berilmu, menguasai teknologi dan mampu berdiri setaraf dengan bangsa-bangsa lain.

"Jihad kita juga mampu mempertahankan umat Islam yang tertindas seperti di Bosnia dan Kosovo," katanya.

"Tidak ada sebab mengapa mereka harus menggulingkan kerajaan yang dianggap oleh dunia sebagai model yang hebat bagi sebuah negara Islam," katanya.

Ketika menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata kerajaan akan mengambil tindakan terhadap kumpulan atau individu yang menganjurkan sembahyang hajat di masjid-masjid untuk anggota Al-Ma'unah yang ditahan oleh polis.

-- BERNAMA

JM MAN MZM NMO